

## Tauhid asas kepada sistem pendidikan Islam

Menurut Isma'îl Raj'î al Faruqi “ Al Tawhid is general view of reality, of truth, of the world, of space and time, of human history and destiny “ Mentauhidkan Allah Subhanahū Wata'āla adalah merupakan suatu rukun dalam menjalani kehidupan makhlukNya. Asas pentauhidan terhadap Ilahi dinyatakan secara terang dan nyata melalui ayat-ayatnya surah al-Ikhlās ;

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

“ Katakanlah ( Wahai Muhammad )Tuhanku Allah yang Maha Esa; Allah menjadi tumpuan segala makhluk untuk memohon hajat; Ia tiada beranak dan diperanakkan; dan tidak ada sesiapa pun Yang tara denganNya”

Konsep tauhid bukan sahaja berkenaan dengan ketuhanan iaitu melakukan ibadat yang khusus sahaja. Di dalam Islam,nilai-nilai akhlak yang wujud dari dalam harus dikekalkan sebagaimana telah di tunjukkan teladan dari junjungan besar Rasulullah Sallallāhu ‘alaihi wasallām menurut S.M. Solihin. Kehidupan manusia adalah bermakna dan menepati kehendak Allah, sekira keseluruhannya bersandarkan kepada Khaliqnya.

## Kepentingan Tauhid kepada Pendidikan Islam

Melaksanakan tugas semata-mata sebagai hamba Allah di mukabumi.( , الذاریات ٥٦ )

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ۝

“ Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri terhadapKu “

Menurut Ismacil Rajci al Faruqi lagi, membina peradaban Islam mengikut sistem dan garis panduan yang sebenar. Garis panduan yang dimaksudkan adalah pentauhidan kepada Allah adalah asas pembinaan tamdun hidup manusia.

Syed Muhammad Al-Naquib. Al-Attas pula, melaksanakan satu sistem pendidikan yang mantap dan lengkap. Teras pentauhidan yang kukuh akan mampu membina satu sistem yang paling mantap dan lengkap bagi tujuan dan mencapai matlamat pendidikan manusia. Sistem yang berteraskan kepada sandaran yang rapuh pasti akan menemui kesan yang tidak menjamin kekuatan dan ketamadunan manusia. Pandangan daripada Hasan Langgulung, asas tauhid itu adalah mencapai keredaan Allah, menjauhi murka dan siksa-Nya dan melaksanakan pengabdian yang tulus ikhlas kepada-Nya.

Mohd Sulaiman bin Hj Yasin menyatakan bahawa, menzahirkan sifat-sifat akhlak Islam nisbah kepada akhlak aqidah sebagai asas dan teras pendidikan Islam.

Kesimpulan dari perbincangan maksud Tauhid ini secara umumnya dapat difahami sebagai penyelamat manusia, masyarakat, negara dan dunia adalah terserah kepada agama yang benar. Agama yang benar berdasarkan kepada tauhid yang murni, keadilan yang mutlak, hukum-hukum yang seimbang yang ditetapkan oleh Allah Tacala adalah menghubungkan antara manusia dengan Allah yang menjadi pengawal, pengadang, yang senantiasa melihat gerak-geri tiap insan dinyatakan oleh Haron Din.

Lahir pada Zaman Abbasiy- perbincangan mengenai aqidah, ilmu Tauhid


Manakala sistem pula cara, jalan, proses yang dapat diukur, adalah kumpulan benda-benda atau bahagian-bahagian yang bergerak bersama sebagai satu keseluruhan menurut kamus Longman dictionary of contemporary English. Sistem adalah merupakan satu tatacara atau susun atur kerja dalam melaksanakan sesuatu perancangan dan akhirnya akan menghasilkan sesuatu menurut

perancangan tersebut. Menurut Tajul Arifin Noordin, sarjana barat mendefinisikan pendidikan pula sebagai satu proses membentuk kecenderungan asas berupa aqliah dan perasaan terhadap alam dan manusia.

Definisi Sarjana Islam, bimbingan rohani dan jasmani berdasarkan hukum-hukum agama islam mengarah kepada terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran islam.

Jelasnya:Proses yang dilalui oleh anak-anak yang dididik secara sadar oleh pendidik untuk membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam

Gambarajah Pendidikan Berteraskan Tauhid ;



## Tauhid sebagai asas kepada Falsafah Pendidikan Negara

Menurut Tajul Ariefin Noordin, Falsafah Pendidikan Negara secara umumnya ditubuhkan ke arah membina semula dasar pendidikan yang lebih mantap kepada agama, bangsa dan negara.

Peranan pendidikan turut tidak lagi ditumpukan kepada perpaduan negara dan pengeluaran tenaga manusia sahaja. Peranan pendidikan turut ditumpukan kepada pembentuka keperibadian insan selaras dengan pembangunan manusia. Isi kandungan Falsafah Pendidikan Negara tertumpu kepada pembinaan insan secara menyeluruh untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

**Intelek** – Melahirkan insan-insan yang berilmu dan beriman kepada Allah. Mantap keyakinan kepada Allah menerusi program-program yang dijalankan.

**Rohani** – Melahirkan insan yang mempunyai rohani yang kukuh, tidak mudah terpedaya atau terpengaruh kepada budaya yang merosakkan diri.

**Emosi** – Melahirkan insan yang dapat mengawal emosi yang negatif yang boleh membawa kepada keruntuhan moral.

**Jasmani** – Melahirkan insan yang sihat fizikalnya dan dapat menyumbangkan tenaga untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

Setiap individu wajib diberi pendidikan asas agama dan moral untuk melahirkan insan yang kamil.

Daripada sudut Falsafah pendidikan Islam Kementerian pendidikan melaksanakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Dari sudut matlamat pendidikan ianya sangat jelas apabila kita merujuk kepada Falsafah Pendidikan Islam ini kerana;

1. Tauhid ialah tunjang, asas atau pokok bagi Islam
2. Manakala Islam pula adalah agama rasmi di Negara Malaysia
3. Disamping itu Islam itu sendiri bersifat universal berasaskan al- Quran dan Sunnah dan ini merupakan asas paling dasar.
4. Sememangnya 'matlamat pendidikan' berasaskan 'Falsafah' yang ditentukan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Islam jelas meletakkan Pendidikan akidah atau tauhid sebagai fokus utama.
5. Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam dimana kedua amat berkait rapat. Kementerian pendidikan juga menerangkan tentang 'mencapai kebaikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat' ini semua adalah sesuatu yang sangat berkaitan akidah dan kepercayaan.

Objektif yang akan dicapai melalui Falsafah Pendidikan ini berdasarkan kepada aspek yang berikut ;

- 1 Untuk mengenali pencipta yang Maha Esa
- 2 Mengukuhkan / memantapkan aqidah yang dibina.
- 3 Mengenali diri dan tanggungjawab terhadap pencipta
- 4 Mendidik / membimbing akhlak yang mulia
- 5 Membentuk manusia menjadi insan kamil dan shamil

Tauhid menjadi teras kepada 'asas pendidikan'

Persoalan akidah diberi penekanan yang istimewa .Setiap komponen pendidikan seperti kurikulum ,pedagogi,pengukuran dan penilaian perlu dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan akidah kepada Allah Subhanahū Wataʿāla. Matlamat pendidikan untuk membina akhlak diterima .Dengan ini pendidikan harus berperanan untuk membina akhlak ke arah pembangunan manusia sebagai insan yang berperanan sebagai hamba kepada Khaliqnya.

Pendidikan islam tidak boleh dianggap sebagai mata pelajaran agama yang hanya membincangkan persoalan – persoalan yang berkaitan dengan ibadah semata- mata .Pendidikan islam perlu diberi nafas baru dimana terdapat kesepaduan diantara ilmu wahyu dengan ilmu akal ,ini bermakna disamping mempelajari nota pelajaran agama yang bersifat terus.Pelajar-pelajar perlu menguasai dan cemerlang dalam bidang –bidang lain seperti sains teknologi, ekonomi ,industri ,keusahawanan vokasional dan lain-lain

Aspek pembangunan manusia hendaklah diberi tumpuan yang lebih utama daripada aspek-aspek lain dalam pendidikan yang cuma bersifat fizikal .Dengan maksud yang lain ,sebarang keputusan yang bakal diambil tentang pendidikan hendaklah meletakkan persoalan pembangunan manusia paling utama .

Cabarannya sekarang ialah bagaimana caranya untuk merialisasikan perkara-perkara

Tersebut secara pelaksanaan dalam semua aspek pendidikan seperti kurikulum pengajaran , pembelajaran , penilaian ,pengurusan ,pentadbiran sumber pendidikan dan latihan guru .Bagi menghadapi era 2020 usaha yang praktikal yang perlu dilakukan bagi menjayakan matlamat diatas.

Tauhid menjadi teras kepada kurikulum.

Sistem pendidikan Malaysia sedang menuju kearah yang lebih baik dengan penjanaan semula kepada Kementerian Pelajaran. Pendemokrasian pendidikan bermodalkan insan akademik berkualiti serta kurikulum yang mantap bakal menjadikan Malaysia contoh terbaik di peringkat global. Pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah berteraskan tauhid perlu diperkasakan lagi untuk melahirkan ummah yang gemilang selaras dengan matlamat falsafah pendidikan negara.

Teras kurikulum pendidikan Islam

1. Mengusai sepenuhnya subjek asas asuhan tilawah al-Quran, asas ulum syarciyah dan asas akhlak Islamiah di peringkat sekolah rendah.
2. Mengukuhkan penguasaan pembacaan dan penulisan jawi melalui program j-QAF.
3. Menubuhkan lebih banyak SMKA dan memberi penekanan lebih kepada penghayatan dua bidang utama iaitu tilawah al-Quran dan ulum syar<sup>c</sup>iyah diperingkat sekolah menengah.

Tauhid menjadi teras kepada kurikulum ko-kurikulum.

Tumpuan kita bagi menghasilkan anak didik yang berkualiti sememangnya menjad impian ibubapa. Ibubapa bukan sahaja mahukan anak-anak mereka maju dari segi intelek malah memiliki kemahiran tertentu disamping kekuatan peribadi. Oleh itu program pengislaman ilmu seharusnya lebih terancang terutama bidang ko-kurikulum supaya ianya memungkinkan generasi muda Islam diberi ilmu, kemahiran yang disepadukan dengan nilai supaya terlihat stu model pendidikan yang bukan sahaja mengutamakan aspek-aspek kecemerlangan akademik tetapi juga mengutamakan aspek-aspek kemahiran yang lebih canggih.

Menurut Khailani Jalil, kualiti beginilah yang amat diperlukan bagi umat Islam dari terus bergantung kepada pihak-pihak lain yang lebih banyak meninggalkan risiko nilai terhadap umat terutama dalam bidang sains dan teknologi.


Tauhid menjadi teras kepada latihan perguruan.

Oleh kerana institusi perguruan menjadi contoh yang amat berkesan kepada pelajar di sekolah maka mereka hendaklah bersedia untuk dijadikan panduan dari segi akhlak dan rohani kepada pelajar. Guru mesti mengetahui teori-teori yang terkandung dalam Islam khususnya tentang pendidikan dan seterusnya menerapkan keimanan yang kuat kepada pelajar.


Beberapa langkah perlu diambil untuk memastikan tauhid sebagai asas kepada sistem pendidikan Islam;

1. Pemilihan dan perlantikan guru tidak seharusnya berdasarkan kepada kelulusan akademik sahja, tetapi hendaklahlah dinilai dari segi keimanan dan peribadi bakal guru.
2. Bakal guru-guru Islam hendaklah dilatih dan diterapkan dengan keimanan yang kuat terhadap Islam. Peribadi mereka sebagai individu dan anggota sosial hendaklah memiliki nilai dan prinsip ilmu tauhid yang kukuh supaya mereka dapat menyampaikan pengajaran dan teladan yang terbaik kepada pelajar.
3. Melengkapkan Institut perguruan dengan kemudahan yang diperlukan seperti latihan yang mantap dari semua aspek berkaitan serta bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran untuk kegunaan guru.
4. Menyediakan sukatan berteraskan Tauhid yang khusus dalam modul latihan perguruan.

Hubungan manusia dengan Pentauhidan kepada Allah



Gambarajah membina Tauhid sebagai asas kepada sistem pendidikan Islam



Undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk membentuk sikap manusia. Oleh itu ia amat memerlukan kepada Pentauhidan kepada Allah berteraskan dua kalimah syahadah melalui sistem pendidikan yang sempurna. Pentauhidan kepada Allah mencakupi semua aspek akhlak, rohani, intelek, emosi dan penglibatan jasmani. Sebarang sandaran lain dari Pentauhidan tidak akan dapat menyelesaikan masalah manusia. Pentauhidan dalam sistem pendidikan itu akan menentukan arah tujuan kehidupan manusia dan menjamin keadilan sejagat.

Al - Quran

Ahmad Mohd Salleh, 1998, *Pendidikan Islam ( Dinamika Guru Jilid I )*, Fajar Bakti, Shah Alam.

Haron Din. 1988. *Manusia dan Islam* Percetakan watan Sdn.. Kuala Lumpur:

Isma'îl Raj'î al Faruqi. 1992. *AL TAWHID: Its Implication for Thought dan Life*

Khailani Jalil, Ishak Ali Shah, 1993, *Pendidikan Islam Era 2020,; Tasawur dan strategi*,  
Percetakan Bintang jaya, Kajang.

Mohd Yusuf Ahmad, 2004. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, 1992, *Ahlak dan Tasawuf*

Tajul Ariffin Noordin, 1993, *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*, Dewan  
Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.